



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 07/2024**



## HARI ASYURA

6 MUHARAM 1446H/ 12 JULAI 2024M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Kita berada pada bulan yang istimewa iaitu bulan Muharam, salah satu daripada bulan-bulan haram selain bulan Zulkaedah, Zulhijjah dan Rejab. Istimewanya bulan-bulan tersebut di mana amalan kebaikan dan ketaatan dilipatgandakan pahala oleh Allah Ta'ala. Firman-Nya dalam surah al-Taubah, ayat 36:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا  
أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتِلُوا الْمُشْرِكِينَ  
كَأْفَاءَ كَمَا يُقْتَلُونَكُمْ كَأْفَاءَ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya); dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah bersama orang yang bertakwa.”

Pada tanggal 10 Muharam, setiap tahun umat Islam menyambut Hari Asyura yang melambangkan kemenangan bagi kebenaran dalam mengatasi cabarannya. Pada hari tersebut Allah Ta'ala menyelamatkan Nabi Musa Alaihissallam dan pengikutnya daripada kekejaman Firaun dan bala tenteranya. Di antara peristiwa-peristiwa lain yang berlaku pada tarikh tersebut seperti



penerimaan taubat Nabi Adam Alaihissallam dan diturunkan ke dunia, pendaratan kapal Nabi Nuh Alaihissallam diselamatkan daripada banjir besar yang melanda mereka, dikeluarkan Nabi Yunus Alaihissallam daripada perut ikan dan lain-lain lagi peristiwa penting yang menggambarkan kemenangan dan kemuliaan dikurniakan Allah Ta'ala kepada mereka.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam mengajar para Sahabat agar berpuasa pada hari Asyura berserta hari sebelum atau selepasnya sebagai tanda syukur kepada Allah Ta'ala di atas peristiwa-peristiwa kemenangan tersebut. Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Ahmad ibn Hanbal yang bermaksud:

*“Suatu hari, Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam berjalan melewati sekelompok orang Yahudi yang sedang berpuasa hari Asyura, maka Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam bertanya: “Puasa hari apa ini?,” mereka menjawab: Hari ini adalah hari ketika Allah menyelamatkan Musa dan Bani Isra’il dari tenggelam, sedangkan Firaun di hari ini tenggelam. Hari ini adalah hari ketika perahu Nabi Nuh berlabuh di bukit al-Judiy. Karena itu, Nuh dan Musa berpuasa di hari ini karena bersyukur kepada Allah Ta’ala. Lalu Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda: “Aku lebih berhak terhadap Musa dan lebih berhak untuk berpuasa hari ini,” kemudian Nabi memerintahkan para Sahabatnya untuk berpuasa.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam amat menggalakkan berpuasa pada hari Asyura dengan menjanjikan keistimewaan yang luar biasa iaitu *kaffarah* (penghapusan) dosa setahun yang lalu. Bahkan Baginda Sallallahu Alaihi wa Sallam menyarankan kepada mereka untuk turut berpuasa pada hari kesembilan Muharam atau juga hari kesebelas agar tidak menyerupai amalan orang Yahudi



yang hanya berpuasa pada hari ke sepuluh Muharram. Dalam hadis riwayat Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَرَفَةَ فَقَالَ: يُكْفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ. قَالَ: وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ

يَوْمِ عَاشُورَاءَ فَقَالَ: يُكْفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ

**Yang bermaksud:** *“Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam ditanya mengenai keutamaan puasa Arafah? Baginda menjawab, “Puasa Arafah akan menghapus dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang.” Baginda juga ditanya mengenai keistimewaan puasa Asyura? Baginda menjawab, “Puasa Asyura akan menghapus dosa setahun yang lalu.”*

Di samping itu juga, kita hendaklah memperbanyakkan amal soleh dan kebajikan seperti bersedekah, memberi makan kepada tetamu dan kenalan, menghubungkan silaturrahim dan persaudaraan Islam, menghulurkan bantuan dan memperbanyakkan ibadah sesuai dengan kemuliaan dan keistimewaan hari tersebut di sisi Allah Ta’ala.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta’ala,**

Dalam kita menyambut keistimewaan dan kemuliaan hari Asyura, terdapat satu peristiwa yang menyentuh hati kita iaitu peristiwa hitam berkaitan dengan pembunuhan cucu Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam iaitu Sayyidina Husin di Karbala yang membawa kepada bibit perpecahan dalam kalangan umat Islam akibat daripada persengketaan tersebut terutamanya pada zaman pemerintahan kerajaan Umayyah terdahulu.



Marilah kita mengambil iktibar daripada peristiwa tersebut untuk mengelak berlakunya persengketaan dan membina kesatuan umat Islam dengan tidak membenarkan sebarang bibit perpecahan berlaku dalam masyarakat dengan berlapang dada apabila berlaku berbeza pandangan. Sikap taksub dan ekstrem kepada sesuatu pandangan, jika tidak diuruskan dengan baik, boleh menjadi seperti api dalam sekam yang boleh memusnahkan kesatuan dan kekuatan Islam itu sendiri. Bersatulah umat Islam agar Islam dihormati dan disegani sepanjang zaman khususnya pada akhir zaman yang penuh dengan cabaran ini.

Akhirnya, khatib menyeru marilah kita menambah amalan sempena bulan Muharram yang banyak kelebihan. Sambutan hari Asyura sebagai lambang kemenangan dengan memperbanyakkan amalan-amalan yang mendekatkan diri kita kepada Allah Ta'ala seperti berpuasa sunat, memperbanyakkan sedekah, merapatkan hubungan silaturrahim dan ukhuwah Islamiyah, semoga kita semua sentiasa dimuliakan Allah Ta'ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.